

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG OPERASI PANGKALAN UDARA SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2988-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-operasi-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 30 Jan 18 – Perbarisan Ketua Cawang Operasi, Lt Kol Mohamad Ariffin bin Jako TUDM dan Majlis Pemakaian Pangkat telah diadakan di perkaranan bomba Pangkalan Udara Subang. Perbarisan ini terdiri daripada 9 pegawai dan 30 anggota Lain-lain pangkat yang diketuai oleh Kapt Mohd Shahar bin Othman TUDM.



Ketua Cawang Operasi mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat anggota Cawang Operasi iaitu FSjn Mohammad Azmee bin Mohammad Yusoff dan FSjn (W) Norlia binti Ahmad. Kedua-dua anggota telah dinaikkan pangkat ke PW U II berkuatkuasa mulai 2 Jan 2018. Dalam ucapan Ketua Cawang Operasi, beliau berharap agar dengan kenaikan pangkat ini dapat menaikkan lagi semangat dan mutu kerja dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberi dengan cemerlang.



Selain itu, beliau juga menekankan berkenaan perihal disiplin, kepentingan Body Mass Index (BMI) di dalam perkhidmatan dan seterusnya berharap agar semua warga Cawang Operasi dapat meningkatkan lagi kecemerlangan dan mutu kerja yang tinggi dalam pelaksanaan tugas agar segala aktiviti dapat berjalan dengan lancar dan lebih cemerlang.



